

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI (TANGGA BATU)

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak JAKIM berhasrat menyelaraskan bayaran faedah-faedah tertentu kepada Pegawai Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sepertimana faedah-faedah ini dinikmati oleh Pembantu Guru Agama Pihak Jabatan Penjara Malaysia yang terdedah kepada ancaman keselamatan, penyakit berjangkit, dan masalah psikologi di kalangan banduan.

JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang ditempatkan di Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah bagi mengisi jawatan PHEI yang diwujudkan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia, KDN. Pegawai Kader PHEI JAKIM yang berkhidmat di penjara seluruh Malaysia adalah seramai **159 orang** daripada keseluruhan **185 perjawatan** yang diluluskan.

Penempatan PHEI di penjara adalah bertujuan untuk membantu Jabatan Penjara Malaysia memperkasakan program pemulihan (keagamaan) kepada penghuni penjara bagi mengembalikan semula golongan yang tersasar ini ke jalan yang bertepatan dengan agama.

Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan kajian penambahbaikan perjawatan dan penyelarasan faedah-faedah tertentu bukan kepada Kader PHEI sahaja malah semua kakitangan awam yang terlibat secara langsung dengan penghuni penjara, termasuklah kader-kader Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pegawai Psikologi.

Pada 9 Oktober 2017, Jabatan Penjara Malaysia melalui KDN telah mengemukakan permohonan perluasan Bayaran Insentif Khas (BIK) Pegawai Penjara kepada semua pegawai awam yang bertugas secara langsung dengan banduan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pada 3 Oktober 2018, pihak JPA memaklumkan Kerajaan telah meluluskan kenaikan Bayaran Insentif Khas (BIK) kepada Pegawai Penjara sahaja, seperti berikut:

- a) Wadar Penjara Gred KA19 – BIK sebanyak RM60.00 sebulan;
- b) Koperal Penjara Gred KA20 – BIK sebanyak RM90.00 sebulan; dan
- c) Sarjan Penjara Gred KA22 – BIK sebanyak RM120.00 sebulan.

Walau bagaimanapun, BIK berkenaan **tidak diperluaskan** kepada semua kakitangan awam yang terlibat secara langsung dengan penghuni penjara, termasuklah kader-kader Kementerian dan Jabatan yang telah dinyatakan.

Sekian, terima kasih.